

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN SISTEM MAKLUMAT BERSEPADU ARKIB NEGARA
MALAYSIA (COMPASS)
Lokasi : ARKIB NEGARA
Tarikh : 03-05-1997

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah Subhanahuwataala kerana dengan izinNya dapat kita berkumpul pada pagi ini di Upacara Majlis Pelancaran Sistem Maklumat Bersepadu Arkib Negara Malaysia atau lebih dikenali sebagai Computerised Archival System and Services (COMPASS).

Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Arkib Negara Malaysia yang telah sudi menjemput saya untuk merasmikan majlis pada pagi ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

2. Usaha dan kejayaan Arkib Negara Malaysia untuk merancang dan mewujudkan Sistem Maklumat Bersepadu ini amatlah membanggakan. Ia bukan sahaja dapat memberi faedah kepada kakitangan Arkib Negara, malah dapat dimanfaatkan oleh pengguna-pengguna Arkib di samping memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada semua jabatan kerajaan. Usaha tersebut juga merupakan satu langkah inovasi yang bijak yang perlu dicontohi oleh jabatan kerajaan yang lain supaya faedah satu-satu projek itu dapat diperluaskan dan dikongsi bersama demi kebaikan dan kemajuan Perkhidmatan Awam seluruhnya.

3. Usaha Arkib Negara mewujudkan sistem COMPASS ini adalah bersesuaian dan kena pada masanya, terutamanya di ketika Kerajaan sedang menjayakan pelaksanaan Multimedia Super Corridor (MSC).

4. Dalam konteks ini, saya percaya Arkib Negara Malaysia boleh dan perlu memainkan peranan penting dalam menjayakan MSC secara amnya serta menyumbang terhadap pelaksanaan Kerajaan Elektronik dalam Perkhidmatan Awam. Ini adalah merupakan satu cabaran yang sangat besar kepada Arkib Negara Malaysia memandangkan peranan pentingnya dalam memelihara serta menyimpan kekal rekod-rekod kerajaan yang bernilai untuk rujukan dan kegunaan generasi akan datang.

5. Perkembangan pesat teknologi maklumat masa kini secara tak langsung juga akan melahirkan suatu suasana kerja yang kurang menggunakan kertas, dan kemungkinan maklumat dan rekod-rekod kerajaan akan mudah hapus dengan tidak disengajakan. Kita harus prihatin dengan perkembangan teknologi yang begitu pesat ini, agar kita tidak mudah lalai dan lupa dengan tanggungjawab menyelamatkan maklumat penting negara dan rekod-rekod digital yang diwujudkan melalui Kerajaan Elektronik nanti.

6. Oleh hal yang demikian saya menyarankan supaya langkah-langkah awal untuk menyelamatkan rekod secara elektronik ini diambil dengan segera. Kegagalan berbuat demikian akan menjejaskan kelicinan pentadbiran di samping menimbulkan masalah dalam menggubal dasar dan juga membuat keputusan kerana kekurangan maklumat serta fakta pada masa akan datang. Oleh itu, kita harus berwaspada dalam keghairahan kita menceburkan diri ke arah melaksanakan konsep "Paperless Office" dan juga "Cyberworld" memandangkan kita masih ada tanggungjawab untuk memelihara maklumat penting mengenai sejarah negara. Implikasinya negara tanpa sejarah yang lengkap amat berbahaya dan merugikan.

Tuan-tuan serta hadirin sekalian,

7. Saya dapati usaha ke arah pemeliharaan rekod-rekod digital ini amat berkait rapat dengan kerja-kerja pengurusan rekod yang selama ini dijalankan bersama oleh Arkib Negara Malaysia dan juga MAMPU. Kita tidak boleh memandang ringan terhadap perkara ini kerana Pengurusan Rekod adalah nadi pentadbiran negara dan merupakan tanggungjawab bersama semua jabatan kerajaan.

Oleh yang demikian pengurusan rekod perlulah diberi perhatian yang sewajarnya di jabatan-jabatan Kerajaan.

8. Perkembangan pesat ke arah merealisasikan penubuhan Kerajaan Elektronik ini juga telah memperlihatkan perubahan trend pentadbiran dan juga pertambahan permintaan kepada tenaga kerja mahir khususnya di bidang teknologi maklumat. Pendekatan melalui 'partnership' antara pelbagai profesion yang terlibat dengan pengendalian maklumat sangat diperlukan. Kini terdapat hubung-kait teknologi dan struktur organisasi di jabatan kerajaan yang amat ketara dan tidak boleh dipisahkan. Oleh yang demikian pengurusan rekod semasa (management of current records) di jabatan-jabatan kerajaan perlu diberi perhatian khusus. Pengurus-pengurus sistem dan pengurus-pengurus rekod perlu bekerjasama dan saling memahami untuk mewujudkan sistem pengurusan rekod yang efisien. Arkib Negara pula hendaklah memberikan 'input' dari segi 'record keeping criteria' yang perlu ada dalam satu-satu sistem. Ini penting bagi mengawal kesahihan dan ketepatan maklumat digital dalam jangkamasa panjang.

Sehubungan ini adalah jelas Arkib Negara mempunyai peranan yang penting bagi menentukan supaya keperluan kearkiban diambil kira dalam usaha menjayakan elektronik government.

9. Selaras dengan perkembangan ini, pembentukan Dasar Pengurusan Rekod Elektronik adalah satu lagi isu yang perlu ditangani segera. Pembahagian tugas dan tanggungjawab serta kuasa bagi melaksanakan dasar tersebut juga perlu diperincikan supaya dapat berjalan lancar. Di samping itu kerajaan juga sedang merancang satu pelan tindakan yang bersepadu dan mantap bagi mengendalikan rekod secara elektronik.

10. Kerajaan juga sedang melipatgandakan usaha menyediakan latihan kemahiran dari segi penggunaan komputer kepada anggota Perkhidmatan Awam sebagai persediaan untuk merealisasikan Kerajaan Elektronik dengan bantuan INTAN dan juga pihak swasta. Malah usaha ini dianggap penting bagi membolehkan semua anggota Perkhidmatan Awam bersedia menghadapi dan memasuki era Kerajaan Elektronik dengan selesa dan yakin.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

11. Saya yakin COMPASS yang dibangunkan oleh Arkib Negara Malaysia akan menjadi titik permulaan kepada bentuk kerjasama yang akan diwujudkan antara jabatan kerajaan dan Arkib Negara Malaysia. Selaras dengan hasrat tersebut, sukacita saya memaklumkan bahawa kerajaan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Am Bil.

1/97 Peraturan Pemeliharaan Rekod-rekod Kerajaan untuk menggantikan Surat Pekeliling 23/72. Sehubungan ini, Arkib Negara Malaysia telahpun menyediakan Sistem Senarai Pemindahan Rekod Jabatan (SSPRJ) untuk memudahkan proses penghantaran senarai rekod-rekod kerajaan ke Arkib Negara. Sistem ini boleh di download dari Homepage Arkib Negara.

12. Sempena pelancaran COMPASS pada hari ini, saya mengalu-alukan usaha Arkib Negara Malaysia untuk melaksanakan Fasa II COMPASS yang akan memberi tumpuan kepada pengurusan rekod semasa di jabatan kerajaan. Setiap jabatan kerajaan pula perlu memberikan kerjasama yang sewajarnya supaya keperluan pengurusan rekod semasa boleh disepadukan dalam satu dasar yang jelas dan mantap bagi melicinkan perlaksanaannya.

13. Saya juga berasa optimistik bahawa cita-cita untuk mewujudkan paperless office dan masyarakat bermaklumat akan menjadi realiti jika semua pihak yang terbabit menggembelingkan tenaga dan bekerjasama dalam satu pasukan yang harmonis. Dengan penggembelingan tenaga ini juga diharap jabatan-jabatan kerajaan akan dapat berfungsi dengan lebih efisien dan produktif. Dengan harapan tersebut, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim merasmikan pelancaran sistem COMPASS Arkib Negara Malaysia.